

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

TARIKH UBAHSUAI: 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 1/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
1.	Bayaran Insentif Tugas Kewangan	<p>Elaun yang dibayar kepada Pembantu Tadbir (P/O) yang menjalankan tugas dalam bidang kewangan. Pemberian Insentif ini adalah sebagai galakan kepada PT (P/O) dan Pembantu Akauntan untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam bidang tugas kewangan serta melaksanakan tugas dengan lebih dedikasi dan tanggungjawab. Selain PT (P/O) yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa, pertimbangan khas juga diberi kepada PT (P/O) yang bertugas sendirian di pejabat kecil dan menjalankan tugas kewangan dimsaping tugas lain.</p> <p>TAKRIFAN</p> <p>PEGAWAI</p> <p>Seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik sementara atau sangkut termasuk lantikan kontrak.</p> <p>MENJALANKAN TUGAS KEWANGAN SEPENUH MASA</p> <p>Menjalankan tugas kewangan sepenuh masa ialah keseluruhan tugas harian pegawai berkenaan adalah merupakan tugas kewangan semata-mata seperti yang dinyatakan di lampiran A Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999 atau tugas-tugas seperti yang dinyatakan melalui Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Bilangan 2 Tahun 1999.</p>	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 Lampiran C8 Penetapan Kelayakan Serta Kadar Dan Kemudahan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 2/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Insentif Tugas Kewangan	<p>BERTUGAS BERSENDIRIAN DI PEJABAT KECIL</p> <p>Hanya seorang PT (P/O) bertugas di sebuah pejabat kecil tersebut. Pejabat kecil ialah sebuah pejabat yang wujud secara bersendirian dan tidak termasuk Bahagian atau Unit di satu pejabat besar. Sebagai contoh, pejabat di sekolah yang hanya mempunyai seorang Pembantu Tadbir adalah ditakrifkan sebagai bertugas bersendirian di pejabat kecil.</p> <p>1.0 Pastikan Tuntutan Bayaran Insentif Tugas Kewangan dan dokumen sokongan berikut disertakan :</p> <p>1.1 Borang Perakuan Tuntutan Insentif Tugas Kewangan</p> <p>1.2 Penyata perubahan mengenai pendapatan seseorang pegawai (Kew 8-Pin.10/96).</p> <p>1.3 Surat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam</p> <p>1.4 Slip Keputusan Peperiksaan BITK</p>	Lampiran A Lampiran B Lampiran C Lampiran D

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 3/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Insentif Tugas Kewangan	<p>2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima;</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi;</p> <p>2.3 Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.</p> <p>3.0 Pegawai Yang layak</p> <p>Pegawai yang layak menerima Bayaran Insentif Tugas Kewangan adalah seperti berikut :</p> <p>3.1 Pegawai yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa dalam bidang berikut :</p> <p>3.1.1 Pengurusan dan Kawalan Belanjawan 3.1.2 Pengurusan Kewangan Am 3.1.3 Pengurusan Terimaan 3.1.4 Pengurusan Perolehan Kerajaan 3.1.5 Pengurusan Bayaran Emolumen 3.1.6 Pengurusan Pembayaran 3.1.7 Pngurusan Akaun 3.1.8 Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman</p>	Arahan Perbendaharaan 58(a)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 4/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Insentif Tugas Kewangan	<p>3.2 Pengecualian diberi kepada pegawai yang meninggalkan tugasnya bagi tempoh yang tidak melebihi 92 hari berturut - turut termasuk hari kelepasan mingguan dan kelepasan am, dalam keadaan berikut :</p> <p style="padding-left: 40px;">3.2.1 Menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan;</p> <p style="padding-left: 40px;">3.2.2 Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan; dan</p> <p style="padding-left: 40px;">3.2.3 Bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit mengikut Perintah Am Bab C.</p> <p>4.0 Pegawai Yang Tidak layak</p> <p style="padding-left: 40px;">Pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Insentif Tugas Kewangan adalah seperti berikut :</p> <p>4.1 Pegawai yang meninggalkan tugasnya selama 28 hari dan lebih secara berturut - turut.</p> <p>4.2 Pegawai yang berkursus lebih dari 3 bulan, sama ada di dalam atau di luar negeri.</p> <p>5.0 Kadar Kelayakan Pegawai</p> <p style="padding-left: 40px;"><u>MEMPUNYAI SIJIL</u> RM 80.00</p> <p style="padding-left: 40px;"><u>TIDAK MEMPUNYAI SIJIL</u> RM40.00</p>	<p style="text-align: center;">I Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1999</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

TARIKH UBAHSUAI: 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 5/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Insentif Tugas Kewangan	6.0 KOD OBJEK Kod Objek yang dipertanggungkan ialah 12109 - tahun semasa 12607 - tahun lepas	Pekeliling Perbendaharaan 1PP – PS 1.1 (Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan)

Tarikh :

.....
Tandatangan Ketua Bahagian/Cawangan

BAHAGIAN D: UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

(Ulasan Dan Syor Seksyen Sumber Manusia)

Permohonan didapati teratur / tidak teratur* mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2001. Dengan ini disyorkan tuntutan Bayaran Insentif Tugas Kewangan bagi pegawai ini dengan kadar berikut diluluskan / tidak diluluskan* mulai.....

(i) RM40.00 sebulan

(ii) RM80.00 sebulan

(bagi pegawai yang mempunyai sijil sahaja)

CATATAN :

.....
.....

Nama : Tandatangan :

Jawatan : Tarikh :

Nota :

1.Kelayakan adalah berdasarkan syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2001

2.BITK dibayar secara proportionate bagi Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) / (Kewangan) yang tidak bertugas genap sebulan.

BAHAGIAN E: KEPUTUSAN PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN

Permohonan ini DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN*.

.....

(Tandatangan)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

* Potong yang mana tidak berkenaan

Lampiran B